

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 / 8 / 2017

KEBENCIAN DR. M UNTUNGGAN DAP

BEKAS Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin DAP amat memahami

mereka kini semakin kekurangan modal untuk berhadapan dengan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Mereka semakin terdesak apabila setakat ini belum ada kata putus soal pembahagian kerusi dan lebih daripada itu integriti pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan mula dipersoalkan.

Bagi mengalih perhatian rakyat daripada membicarakan kekalutan dalam pakatan tersebut, maka melalui pengalaman dimiliki Dr. Mahathir bersama sahabat karibnya itu, mereka berusaha mewujudkan isu-isu lain. Dr. Mahathir meneruskan politik kebencian dengan menyerang UMNO habis-habisan manakala DAP pula terus menunjukkan keangkuhan dalam isu kilang haram di Pulau Pinang.

Dr. Mahathir pernah menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO selama 22 tahun kini sudah terbukti menjadi alat politik paling berkesan kepada DAP untuk menamatkan kuasa politik Melayu.

Pelbagai serangan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir ke atas UMNO menampakkan beliau 'sudah berpatah arang dan berkerat rotan' dengan parti tersebut. Jasa-jasa UMNO kepada beliau seolah-olah sudah dihumban ke dalam tong sampah dan kepentingan perjuangan UMNO untuk orang Melayu telah digadaikan bagi memenuhi agenda politik Pakatan Harapan yang pastinya DAP menjadi 'taikonya'.

Oleh itu tiada apa yang perlu dihairankan dengan kenyataan beliau menolak konsep 'ketuanan Melayu' kerana Dr. Mahathir memahami perjuangan untuk orang Melayu tidak dapat dilaksanakan di dalam Pakatan Harapan. Ini memandangkan beliau kini sudah bersama dengan kelompok yang pernah beliau anggap 'mendukung konsep Malaysian Malaysia yang akan membelakangkan Melayu'.

Sebab itulah apabila Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin membangkitkan cadangan agar orang Melayu perlu menjadi tonggak dalam Pakatan Harapan, Dr. Mahathir sebagai pengerusi parti

OLEH
**ZULKIFLEE
BAKAR**



Tindak tanduk Dr. Mahathir menggembirakan DAP. Mereka tidak perlu lagi bersusah payah mencari bahan atau modal untuk mempengaruhi orang Melayu menyokong parti itu dan Pakatan Harapan kerana segala-galanya sudah diuruskan bekas Perdana Menteri tersebut.

tersebut tidak berkata apa-apa.

Sebaliknya beliau meneruskan sikap ibarat 'menjilat ludah sendiri' apabila melupakan peringatan yang pernah beliau lontarkan pada Oktober 1988 berhubung ancaman politik DAP. Dalam ucapan di Perhimpunan Agung UMNO ketika itu, Dr. Mahathir berkata, "Sekarang kerana perpecahan dalam kalangan orang Melayu, DAP nampak peluang mereka untuk mencapai *dominance* sudah muncul.

Dengan itu mereka begitu rajin bekerjasama dan memberi sokongan kepada kumpulan serpihan UMNO untuk melemahkan UMNO, kerajaan Barisan Nasional dan kedudukan orang Melayu". Persoalannya siapakah sekarang yang melalui tindak tanduk politiknya kini secara tidak langsung menjadi 'ejen' kepada DAP bagi melaksanakan agenda politik parti itu?

Siapakah kini yang tergolong dalam kelompok yang dianggap oleh beliau satu ketika dahulu, "...sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO.?"

Hakikatnya tindak tanduk Dr. Mahathir menggembirakan DAP. Mereka tidak perlu lagi bersusah payah mencari bahan atau modal untuk mempengaruhi orang Melayu menyokong parti itu dan

Pakatan Harapan kerana segala-galanya sudah diuruskan bekas Perdana Menteri tersebut.

DAP amat memahami selama ini sebelum keberadaan PPBM dalam pakatan pembangkang, mereka teraba-raba mencari 'alat' untuk meraih sokongan orang Melayu. Keadaan mereka semakin terdesak apabila Pas membuat keputusan meninggalkan pakatan tersebut.

Walaupun ada PKR dan PAN, namun mereka bukanlah parti yang mempunyai kekuatan dan pengaruh. Sebaliknya mereka hanya boleh dijadikan 'pak turut' sahaja bukan 'alat'. Oleh itu apabila Dr. Mahathir menubuhkan PPBM dan bersedia menggadaikan prinsipnya akibat dipengaruhi sentimen kebencian kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, DAP bagaikan 'orang mengantuk disorongkan bantal'.

Dr. Mahathir diberi tempat sebagai Pengerusi Pakatan Harapan, salah satu kedudukan utama dalam pakatan tersebut manakala pemimpin-pemimpin DAP hanya memegang jawatan 'biasa-biasa sahaja'. Ia bertujuan bagi mengaburi mata orang Melayu kononnya tonggak kepemimpinan gabungan tersebut diterajui orang Melayu dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi ketua umumnya.

Tetapi segi penguasaan kerusi dalam pilihan raya, semua orang tahu DAP jauh lebih dominan daripada PPBM, PKR dan PAN, tidak kira siapapun yang menjadi Perdana Menteri jika Pakatan Harapan ditakdirkan memenangi pilihan raya umum akan datang.

Keadaan itu sekali gus akan mengesahkan kebimbangan Dr. Mahathir ketika mengkritik gabungan pembangkang dalam PRU 1990. Antara lain beliau berkata, "Jika Gagasan dan APU mendirikan kerajaan persekutuan, maka perebutan sengit akan berlaku.

Mungkin jawatan Timbalan Perdana Menteri terpaksa ditambah menjadi lima atau enam. Perdana Menteri pula adalah daripada parti yang lemah. Kerana lemah, Perdana Menteri akan terpaksa mengemis sepanjangan masa untuk mendapat sokongan daripada parti-parti komponen dua ikatan yang berasingan iaitu APU dan Gagasan."

Bayangan itu sudah ada jika kita mengkaji barisan kepimpinan

Pakatan Harapan yang diumumkan pada Julai lalu. Selain Dr. Mahathir dan Anwar menduduki jawatan Pengerusi dan Ketua Umum, jawatan Presiden disandang Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail manakala Muhyiddin, Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan, Lim Guan Eng dan Presiden PAN, Mohamed Sabu dilantik Timbalan Presiden.

Jawatan Naib Presiden pula terdiri daripada Timbalan Presiden PKR Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Timbalan Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir; Pengerusi DAP Sarawak Chong Chien Jen dan Timbalan Presiden PAN Salahuddin Ayub. Akibat daripada percaturan politik Dr. Mahathir itu, ia membolehkan DAP hanya berada di belakang beliau untuk mengaut keuntungan, biarpun bekas Perdana Menteri tersebut sudah menggunakan pendekatan politik, 'matlamat menghalalkan cara'.

Lanjutan itu DAP semakin angkuh. Mereka bukan sahaja menjadikan kerajaan BN dan pemimpin UMNO sebagai mangsa serangan, malah agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pengegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga turut menjadi sasaran.

Walaupun mereka kini bekerjasama dengan seorang pemimpin yang satu ketika dahulu begitu gah mahu "seseorang pemimpin itu bukan sahaja mesti bersih tetapi perlu nampak bersih..." tetapi mereka tidak bimbang apa-apa kerana memahami pemimpin yang meluahkan kata-kata tersebut sudah tidak lagi mempunyai prinsip.

Kesimpulannya politik kebencian oleh Dr. Mahathir akhirnya bukan sahaja akan menyebabkan DAP angkuh malah akan terus mengunggulkan parti itu kerana tiada apa yang perlu mereka risaukan kerana Dr. Mahathir pernah berkata, "Kita boleh panggil diri kita "tuan" tetapi jika kita terpaksa bergantung kepada orang lain dan menjadi kuli kepada mereka, memanggil diri kita tuan tidak bermakna."

Justeru kalau dikaji dari sudut politik Pakatan Harapan, semua orang boleh menilai siapa sebenarnya tuannya dan siapa pula merasakan dirinya 'tuan' tetapi hakikatnya sedang menjadi 'kuli'.

um- 27/8/2017 pg-8